

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
17 APRIL 2020**

PERKARA : 5(B)(XV)24

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BUKIT TAMBUN
YB. GOH CHOON AIK**

24. Apakah status Perbadanan Pengurusan Stadium Dan Kawasan Lapang Pulau Pinang?
- (a) Sila berikan jawapan komprehensif tentang keadaan bangunan dan pengurusan Stadium Batu Kawan?
 - (b) Apakah perancangan komprehensif terhadap stadium ini?
 - (c) Huraikan cara permohonan penggunaan dan kadar sewaan oleh orang awam.

**YB. SOON LIP CHEE
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

24. Rang Undang-Undang Enakmen Perbadanan Stadium Dan Kawasan Lapang Pulau Pinang 2017 telah diluluskan dalam Mesyuarat Pertama Penggal Kelima Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang Yang Ketiga Belas pada 25 Mei 2017 dan diwartakan pada 28 September 2017. Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) yang bermesyuarat pada 29 November 2019 dan disahkan pada 6 Disember 2019 telah meluluskan pelantikan Ahli Pembaga Pengarah Perbadanan Stadium Dan Kawasan Lapang Pulau Pinang yang berkuatkuasa mulai 1 Januari 2020. Pengarah Eksekutif bagi Perbadanan Stadium dan Kawasan Lapang Pulau Pinang juga telah dilantik berkuatkuasa mulai 2 Januari 2020. Mesyuarat pertama Lembaga Perbadanan Stadium dan Kawasan Lapang Pulau Pinang telahpun diadakan pada 16 Januari 2020.

Status terkini Perbadanan Stadium dan Kawasan Lapang Pulau Pinang adalah dalam proses pengambilan kakitangan bagi

mengisi kekosongan perjawatan di Perbadanan tersebut. Beberapa sesi perbincangan juga telahpun diadakan bersama dengan Pihak Berkuasa Tempatan dan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang berkaitan dengan penyerahan aset kemudahan sukan dan tanah lapang kepada pihak Perbadanan untuk membangun, mengurus, mengawal dan menyelenggara stadium dan kawasan lapang yang sedia ada.

- (a) Stadium Negeri Batu Kawan yang mempunyai kapasiti tempat duduk untuk 40,000 penonton pada masa ini berada dalam keadaan baik dan sedia untuk digunakan. Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) telah melantik PDC Setia Urus Sdn Bhd (PDCSU) sebagai Pengurus Bangunan untuk mengurus dan menyelenggara stadium ini. Walau bagaimanapun, pihak PDC dalam proses untuk menyerahkan pengurusan Stadium Negeri Batu Kawan kepada Perbadanan Stadium dan Kawasan Lapang Pulau Pinang.
- (b) Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Stadium dan Kawasan Lapang Pulau Pinang kini sedang merangka pelan pembangunan untuk menjadikan Stadium Negeri Batu Kawan sebagai perintis kepada pembangunan 'Sports City' di Pulau Pinang. Kerajaan Negeri menasarkankan untuk menjadikan Batu Kawan sebagai Hub Sukan Utama yang akan menempatkan pelbagai infrastruktur dan kemudahan sukan yang dapat digunakan untuk membangunkan sukan asas, sukan ekstrem, sukan elektronik, hotel penginapan, akademi dan juga makmal sukan terulung di wilayah utara Semenanjung Malaysia.
- (c) Pihak-pihak yang berminat untuk menggunakan kemudahan di Stadium Negeri Batu Kawan boleh mengemukakan permohonan terus kepada pihak PDCSU samada secara manual ataupun melalui aplikasi *online* yang disediakan. Kadar sewaan semasa yang digunakan pada masa ini adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

**STADIUM NEGERI BATU KAWAN PULAU PINANG
JADUAL KADAR SEWAAN**

BIL.	KEMUDAHAN	KADAR HARGA																			
		BIASA					KONSESI														
		4 jam (per sesi)	2 JAM PERTAMA	1 Jam	JAM SETERUSNYA	HARIAN	4 jam (per sesi)	2 JAM PERTAMA	1 JAM	JAM SETERUSNYA	HARIAN										
1	STADIUM																				
	Acara antarabangsa					RM 15,000.00															RM 10,000.00
	Acara tempatan					RM 12,000.00															RM 8,000.00
	Caj Pembersihan					RM 4,000.00															RM 4,000.00
2	Padang bola																				
	Latihan	RM 600.00								RM 300.00											
	Raptai	RM 600.00								RM 300.00											
	Sukan	RM 400.00								RM 200.00											
	Perlawanan bola sepak (antara bangsa)		RM 600.00							RM 300.00											
	Perlawanan bolasepak (Tempatan)		RM 600.00							RM 300.00											
3	Trek Olahraga		RM 150.00																		RM 150.00
4	Bilik Persalinan A1		RM 100.00								RM 50.00										
5	Bilik Persalinan A2		RM 200.00								RM 100.00										
6	Bilik Persalinan B1		RM 200.00								RM 100.00										
7	Bilik Persalinan B2		RM 100.00								RM 50.00										
	Caj Pembersihan								RM 100.00												RM 100.00
8	Sistem Siaraya		RM 400.00																		RM 400.00
9	Sistem Scoreboard		RM 300.00			RM 500.00					RM 300.00										
10	Lampu Limpah				RM 1,200.00																RM 1,200.00
11	Bilik mesyuarat/ bilik urusetia / bilik biasa				RM 100.00							RM 50.00									
12	Bilik Rehat VIP				RM 200.00							RM 100.00									
	KAWASAN LUAR STADIUM																				
13	Tapak Parking A								RM 600.00												RM 300.00
14	Tapak Parking B								RM 800.00												RM 400.00
15	Tapak Parking C								RM 1,500.00												RM 750.00
16	Tapak Parking D1								RM 1,000.00												RM 500.00
17	Tapak Parking D2								RM 1,000.00												RM 500.00
18	Tapak Parking D3								RM 1,000.00												RM 500.00
19	PADANG E								RM 500.00												RM 250.00
20	Tapak Parking F								RM 150.00												RM 75.00
21	Tapak Parking G								RM 200.00												RM 100.00
22	Litar Cub-Prix								RM 1,500.00												-
	Caj Pembersihan								RM 1,000.00												RM 1,000.00
	TAMBAHAN SEWAAN TAPAK																				
23	Dataran Penjaja								RM 400.00												RM 200.00
24	Dataran Pintu Masuk Barat								RM 600.00												RM 300.00
25	Dataran Pintu Masuk timur								RM 200.00												RM 200.00
26	Konkos level 2 blok A								RM 600.00												RM 300.00
27	Konkos level 2 blok B								RM 600.00												RM 300.00
28	Konkos level 2 blok C								RM 1,000.00												RM 500.00
29	konkos level 2 blok D								RM 1,000.00												RM 500.00
30	Konkos level 3 blok A								RM 300.00												RM 150.00
31	Konkos level 3 blok B								RM 300.00												RM 150.00
32	Konkos level 3 blok C								RM 500.00												RM 250.00
33	konkos level 3 blok D								RM 500.00												RM 250.00
34	Lobi Utama								RM 500.00												RM 250.00

* BIASA - Swasta & individu

* Koneksi -Agensi Kerajaan, IPT, sekolah, NGO, Persatuan, Kelab Sukan